

Najib Puji Program Vokasional Berkembar Jerman Di Malaysia
Bernama
30 Jan, 2014

KUALA LUMPUR, 30 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak memuji kerjasama Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (Pemandu) dan Dewan Perniagaan dan Industri Malaysia-Jerman (MGCC) dalam melaksanakan program vokasional berkembar Jerman di negara ini.

Perdana Menteri berkata program berkembar itu dapat melahirkan lebih ramai tenaga kerja terlatih dalam negara.

"Para pelajar yang berminat untuk sertai program ini boleh mendalami bidang vokasional secara menyeluruh," katanya.

Najib berkata demikian dalam entri terbaharu beliau di laman sosial Facebook Khamis bagi mengulas pautan berita Bernama bertajuk 'Pemandu, MGCC Lancar Program Vokasional Berkembar Jerman Di Malaysia' yang disiarkan semalam.

Program vokasional berkembar yang bereputasi baik dan berkesan itu membabitkan kerajaan Malaysia dan ahli perniagaan Jerman dan Malaysia, bagi membangunkan program latihan untuk pembangunan tenaga kerja yang lebih mampan di negara ini.

Pengambilan pertama program itu bermula Jun depan membabitkan 40 perantis berusia bawah 25 tahun dengan kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia serta mahir Bahasa Inggeris.

Mereka yang berminat menyertainya boleh menghubungi Perunding Latihan Berkembar Vokasional MGCC di talian 03-9235 1800 atau layari www.malaysia.ahk.de

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1011347>